

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t dengan rahmatNya membolehkan saya menyempurnakan penulisan tesis ini. Saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Profesor Dr. Shahril@Charil Hj. Marzuki dan Dr. Muhammad Faizal A. Ghani sebagai penyelia yang sentiasa merintis jalan, memberi sokongan, masa, idea dan tidak jemu membimbing dengan iringan semangat penuh dedikasi dalam penerokaan pengetahuan sehingga siapnya penulisan tesis ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Dekan Fakulti Pendidikan, Profesor Dr. Saedah Siraj, Timbalan-Timbalan Dekan, Ketua Jabatan Pengurusan, Perancangan dan Dasar Pendidikan, para pensyarah di Fakulti Pendidikan dan semua staf sokongan di Fakulti Pendidikan dan di Institut Keperguruan, Kampus Kota, Kuala Lumpur kerana tidak jemu memberi dorongan, bantuan dan memudahkan penyempurnaan penulisan tesis ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada panel-panel sesi vetting saya yang dipengerusikan oleh Profesor Dr. Siow Heng Loke, pembaca-pembaca tesis iaitu Profesor Dr. Sufean Hussin dan Profesor Datuk Abdul Rahman Idris serta En Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud wakil Ketua Jabatan khususnya dalam memberi panduan cadangan dan lontaran idea yang bernas sehingga terhasilnya tesis ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang membiayai dan memberi peluang untuk saya meneruskan pengajian yang tidak ternilai ini. Tidak lupa kepada para pegawai dan pengetua khususnya, Puan Siti Sapor Borhan, Puan Mahani Hafiz, Puan Hjh. Saedah Othman. Puan Hjh. Puteh Harun, Datin Hjh.Zakiah Kasim, Tuan Haji Aziz Mohamed Zain, Tuan Haji Manap Jarkasi, Dr. Kamaruzaman Moidunny dan para pengetua serta pembantu tadbir sekolah yang telah memberi maklumat dan kerjasama sepenuhnya sehingga terhasilnya tesis ini.

Penghargaan teristimewa buat keluarga saya, suami tercinta Hj. Arbain bin Pinni, anak-anak yang selalu dirindui Muhammad Fadhli, Fadhlin Ameerah, Muhd. Adzad Azraei dan Muhd Adlil Adani kerana pengorbanan dan kasih sayang kalian yang memberi kekuatan dan cecal dalam mengharungi perit getir untuk menyempurnakan penulisan tesis ini. Buat bonda, Zaharah Sharif dan keluarga tersayang yang menjadi sumber inspirasi dan kekuatan dalam meneruskan perjuangan ini. Akhir sekali, buat teman-teman seperjuangan di UM dan IAB, terima kasih atas segala-galanya sehingga saya mengecap impian hidup daripada rahmatNya. Terima kasih.

Marzita.

SINOPSIS

Pengurus sekolah menengah bertaraf PTj berhadapan dengan cabaran terutamanya dalam menentukan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan bagi peruntukan kewangan kerajaan. Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau pelaksanaan pengurusan kewangan sekolah menengah bertaraf PTj di Malaysia berdasarkan laporan, kajian lampau dan literatur dan isu-isu yang ditimbulkan.

Objektif kajian adalah untuk meninjau sekolah menengah bertaraf PTj berdasarkan maklumat punca-punca kewangan, tahap kejelasan pengetua, tahap kuasa autonomi pengetua dalam membuat keputusan kewangan dan tahap kawalan proses pengurusan kewangan sekolah. Selain itu, kajian ini juga melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kejelasan pengetua, kuasa autonomi dan kawalan pengurusan kewangan mengikut jenis sekolah. Seterusnya, mengenal pasti sama ada terdapat korelasi di antara kejelasan pengetua, kuasa autonomi dan kawalan pengurusan kewangan sekolah dan akhirnya meninjau tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pengetua dalam melaksanakan pengurusan kewangan sekolah bertaraf PTj.

Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah melalui kaedah kuantitatif secara tinjauan (*survey*) dan kaedah kualitatif. Seramai 277 responden yang dipilih secara rawak berstrata kumpulan dilibatkan dalam kajian ini. Kajian ini dianalisis secara deskriptif menggunakan kekerapan, peratusan dan sisihan piawai. Manakala bagi analisis inferens, ANOVA Sehalu dan korelasi *Pearson r* digunakan. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat, terperinci dan lebih menyeluruh, kaedah kualitatif menggunakan teknik temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen dilaksanakan ke atas pengetua dan pembantu tadbir kewangan di lima buah sekolah yang mempunyai latar belakang yang berbeza.

Dapatan kajian mengenai maklumat punca-punca kewangan sekolah menengah bertaraf PTj membentuk satu profil yang sekurang-kurangnya dapat memperjelaskan maksud sekolah menengah bertaraf PTj di Malaysia. Kajian kuantitatif menunjukkan tahap kejelasan pengetua dan tahap kawalan proses pengurusan kewangan adalah tinggi. Namun, tahap autonomi pengetua adalah pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tentang kejelasan pengetua mengikut jenis sekolah. Seterusnya, kajian mendapati terdapat korelasi yang signifikan di antara kejelasan pengetua dengan kawalan proses pengurusan kewangan pada tahap sederhana ($r = .422$) manakala dengan kuasa autonomi pengetua adalah pada tahap rendah ($r = .175$). Kajian juga mendapati terdapat beberapa masalah berkaitan dengan pelaksanaan pengurusan kewangan PTj. Antaranya ialah peruntukan yang tidak mencukupi dan lewat, kekurangan bilangan staf sokongan yang mahir, pengurus sekolah kurang arif dan kurang mahir, beban tugas bertambah, kurang berautonomi, aplikasi eSPKB bermasalah, kurang pemantauan, masa yang terhad dan campur tangan pihak luar.

Hasil kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang kepada percambahan ilmu dalam bidang pengurusan kewangan sekolah dan ekonomi pendidikan serta dapat digeneralisasikan untuk rujukan akan datang. Selain itu ia juga membawa implikasi kepada pembuat dasar, kepada penyediaan program latihan untuk pentadbir sekolah, kepada kepemimpinan pengetua dan akhirnya kepada pembentukan profil sekolah menengah bertaraf PTj.

IMPLEMENTATION OF SECONDARY SCHOOL FINANCIAL MANAGEMENT RESPONSIBILITY CENTER (PTJ) IN MALAYSIA

SYNOPSIS

Managers of financial management responsibility center (PTj) secondary schools are faced with challenges, especially in determining the efficiency and effectiveness of financial management of government financial allocation. The purpose of this study is to review the implementation of financial management of PTj secondary schools in Malaysia based on PTj reports, studies and past literature and issues raised.

The objective of the study is to review the PTj secondary schools based on information regarding financial resources, level of clarity of principals, and level of principals' autonomy to make financial decisions and control the level of school financial management process. In addition, this study also investigates whether there are significant differences between clarity of the principal, the power of autonomy and control of financial management in accordance with the type of school. Next, this study identifies whether there is a correlation between the clarity of principals, power and control of autonomous financial management review of school and finally the problems faced by principals in schools implementing financial management as PTj.

This study uses both qualitative and quantitative (survey) method for data collection. A total of 277 respondents selected through random stratified sampling were involved in this study. Descriptive analysis was done using frequency, percentage and standard deviation, while the inferential analysis utilized ANOVA and Pearson correlation r . To obtain more accurate, detailed and more comprehensive data, qualitative interview techniques, observation and document review were conducted on

principals and administrative assistants (financial) in the five participating schools having different backgrounds.

Research findings and information on financial resources of secondary school class PTj form a profile that can at least clarify the purpose of secondary school class PTj in Malaysia. Quantitative study showed the level of clarity and level of principals' financial management control process is high. However, the level of autonomy of the principal was moderate. Research findings also indicate there are significant differences according to the clarity of school principals. Next, the study found that there is significant but moderate correlation between the clarity of the principal and level of financial management control ($r = .422$), while the correlation between clarity of the principal and autonomy of power level was low ($r = .175$). The study also noted several problems associated with the implementation of financial management including the late and inadequate allocation to the PTj, lack of skilled support staff, lack of skills and awareness among school management, increase in workload, lower autonomy, problematic of eSPKB application, inefficient monitoring, limited time and intervention by outsiders.

Results of this study are also expected to contribute to the proliferation body of knowledge, especially in the areas of school financial management and economic education and can be generalized for future reference. They also carry implications for policy makers for providing training programs for school administrators, leadership of principals and eventually to the formation of profiles of secondary schools classified as PTj.